

03 SEP 2002

Mahathir-Amerika/I

AMERIKA DIMINTA IKUT PERATURAN JUMPA TAHANAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Amerika Syarikat perlu mematuhi undang-undang tempatan dalam usahanya seperti yang dilaporkan, untuk menemubual seorang rakyat Malaysia berhubung satu kes melibatkan seorang yang dituduh pengkomplot dalam tragedi 11 Sept, yang sedang dibicarakan di Amerika.

"Apa jua yang mereka lakukan mestilah selaras dengan undang-undang negara kita," katanya semasa mengulas satu laporan edisi Asian Wall Street Journal (AWSJ) hari ini yang menyebut bahawa Amerika akan meminta kebenaran Malaysia untuk bercakap dengan Yazid Sufaat yang dianggap Washington boleh membantu kesnya terhadap Zacarias Moussaoui.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita selepas merasmikan satu persidangan mengenai percukaian di Seri Kembangan di sini.

Semasa ditanya sama ada beliau akan membenarkan temubual seumpama itu diadakan jika satu permohonan mengenainya dibuat, beliau berkata: "Ia akan melalui proses biasa ekstradisi."

AWSJ memetik seorang pegawai kanan Malaysia sebagai berkata Jabatan Kehakiman Amerika telah meminta ejen Biro Siasatan Persekutuan dibenarkan untuk menyoal Yazid berkaitan hubungannya dengan Moussaoui.

Yazid, seorang bekas kapten tentera dan ahli perniagaan, kini ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana cuba menggulingkan kerajaan dengan cara ganas.

Beliau didakwa telah menerima Moussaoui sebagai tetamu semasa kunjungannya ke Malaysia pada bulan September dan Oktober 2000, sementara lapan bulan sebelumnya, dua perampas pesawat American Airlines yang merempuh Pentagon dalam tragedi 11 Sept dikatakan tinggal di apartmen beliau dalam satu kunjungan ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

MAM AHH RON